



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PENGURUSAN INSTRUMEN MUZIK TRADISIONAL OLEH PERSATUAN  
PENGGIAT SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA, KUCHING**

KATRINA ANAK MUNAU

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni )  
2014

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

**Please tick (✓)**

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of.....2014.

**Student's Declaration:**

I ..... **KATRINA ANAK MUNAU, 30593, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**.....  
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled ..**PENGURUSAN INSTRUMEN MUZIK TRADISIONAL OLEH PERSATUAN PENGGIAT SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA, KUCHING**.. is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_

Date submitted

**KATRINA ANAK MUNAU (30593)**

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ..... **DR. ANNA DURIN**..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled .....**PENGURUSAN INSTRUMEN MUZIK TRADISIONAL OLEH PERSATUAN PENGGIAT SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA, KUCHING**..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of .....**BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS ARTS MANAGEMENT**).... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ..... **DR. ANNA DURIN** .....  
(Name of the supervisor)

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(                          )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(                          )

Current Address:

Lot No. 2846, RPR Kidurong Phase 2, Tanjung Kidurong, 97000 Bintulu, Sarawak.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertai ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

---

(KATRINA ANAK MUNAU)

30593

Pengurusan Seni

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, bersyukur di atas karunia serta berkat yang diberikan oleh Tuhan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Pemberian-Nya yang sentiasa mencukupkan telah membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Tanpa kekuatan, kebijaksanaan dan kesabaran yang Tuhan kurniakan, adalah mustahil bagi saya untuk menyiapkan penyelidikan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga terutamanya buat kedua-dua ibu bapa saya, yang sentiasa memberi sokongan baik dari segi moral dan keperluan keperluan lain. Tanpa mereka saya tidak akan mampu untuk melanjutkan pelajaran sehingga mencapai kejayaan dalam penyelidikan seperti kini. Tidak lupa juga buat kedua adik beradik saya, yang sentiasa memberikan sokongan moral sepanjang pengajian saya di UNIMAS. Buat ahli keluarga lain yang terdekat, terima kasih juga kerana membantu baik secara langsung maupun tidak langsung.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Dr. Anna Durin yang merupakan salah seorang pensyarah program Pengurusan Seni yang telah banyak menyumbang masa dan berkongsi pengetahuan sepanjang penyelidikan dijalankan. Tidak lupa juga, penghargaan kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut menyumbang dengan memberi tunjuk ajar dan sokongan. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada kakitangan akademik Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang sentiasa bersedia membantu terutamanya dalam urusan surat-menyurat.

Berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan terhadap informan-informan iaitu Encik Mazuki bin. Tambi, Encik Abdul Malek dan Encik Faizal yang banyak membantu dalam memberikan maklumat sepanjang penyelidikan dijalankan. Tidak lupa juga buat kakitangan-kakitangan persatuan yang banyak mendorong dan memberi sokongan moral kepada saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat sahabat dan rakan-rakan seperjuangan saya yang terlibat baik secara langsung mahupun secara tidak langsung selama ini. Segala jasa-jasa yang telah disumbangkan oleh setiap insan sepanjang pengajian serta penyelidikan ini, saya akhiri dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

## **ISI KANDUNGAN**

### **KANDUNGAN**

### **MUKA SURAT**

**Borang Pengesahan**

**i - ii**

**Pengakuan**

**iii**

**Penghargaan**

**iv – v**

**Isi Kandungan**

**vi - viii**

**Abstrak**

**ix**

***Abstract***

**x**

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

Pengenalan

1 – 2

Latar Belakang Kajian

2 – 4

Hipotesis

4 - 5

Permasalahan Kajian

5 – 6

Objektif Kajian

6 – 7

Soalan Kajian

7

Lokasi Kajian

8

Kerangka Kajian

8 – 23

Kepentingan Kajian	24
--------------------	----

Skop Kajian	24 - 25
-------------	---------

Rumusan	25 – 26
---------	---------

## **BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN**

Pengenalan	27 – 28
------------	---------

Kandungan Umum	28 – 43
----------------	---------

Rumusan	43 – 44
---------	---------

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

Pengenalan	45
------------	----

Metodologi Kajian	46
-------------------	----

a) Pemerhatian	46
----------------	----

b) Temu Bual	47
--------------	----

c) Dokumentasi	47 – 48
----------------	---------

Rumusan	48 – 49
---------	---------

## **BAB 4: ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN**

Pengenalan	50 – 53
------------	---------

Dapatan Kajian 54 – 93

Rumusan 93 - 94

## **BAB 5: KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN**

Pengenalan 95

Kesimpulan 96 - 100

Cadangan 100 - 102

Rumusan 103 – 104

**Rujukan** 105 – 106

**Soalan Temubual** 107 – 109

**Lampiran** 110

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji pengurusan instrumen muzik tradisional oleh Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia di Kuching. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perancangan persatuan dalam usaha memperkenalkan muzik tradisional, mengkaji sistem pengurusan organisasi, dan meneliti kaedah-kaedah pemasaran perkhidmatan dan produk persatuan menggunakan konsep campuran pemasaran 4P. Fokus kajian adalah tentang sistem pengurusan dari segi sumber manusia, promosi, dan kewangan serta dana. Lokasi kajian dijalankan di Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia terletak di No. 10, Lot 9638, Fasa 23, Lee Ling Commercial Centre, Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak. Kaedah yang digunakan sepanjang kajian adalah kaedah kualitatif merangkumi pemerhatian, temubual dan dokumentasi. Segala maklumat yang diperolehi dalam kajian membuktikan memang terdapat perancangan dalam usaha memperkenalkan muzik tradisional, sistem pengurusan meliputi pengurusan sumber manusia, promosi, kewangan dan penggunaan konsep campuran pemasaran 4P.

## **ABSTRACT**

*This study was performed to investigate the management of traditional musical instruments of the Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia in Kuching. The objective of this study was to identify planning associations in an effort to introduce traditional music, studying organization's management system, and examine methods of marketing products and services using the concept of 4P marketing mix. The study focused on the management system in terms of human resources, promotion, finance and funding. The study conducted at the Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia located in No. 10, Lot 9638, Fasa 23, Lee Ling Commercial Centre, Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak. The methods used during the study is qualitative methods include observation, interview and documentation. All information obtained in this study proved there was planning in an effort to introduce traditional music, the use of management system include human resource, promotion, finance and concept of 4P marketing mix.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Kajian ini ialah berkenaan dengan fokus kepada instrumen muzik tradisional oleh Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia (PPSKM) di Kuching. Perkara yang hendak dikaji berkaitan dengan muzik tradisional ialah sistem pengurusan. Contohnya dari segi pengurusan sumber manusia, strategi promosi, dan pengurusan kewangan serta dana.

PPSKM merupakan persatuan yang memainkan peranan penting dalam mencari dan menyatupadukan penggiat seni dan budayawan tanah air. Antara usaha yang dilakukan oleh persatuan adalah seperti membekalkan peralatan muzik tradisional, mengadakan kelas kesenian tradisional, menyediakan bahan persembahan kesenian dan kebudayaan, pengurusan acara, penganjuran pameran, mengumpul dan menghasilkan lagu-lagu rakyat dan menyediakan tempat latihan industri.

Namun, fokus pengkaji adalah lebih kepada sistem pengurusan terhadap instrumen muzik tradisional yang ada disediakan. Terdapat beberapa jenis instrumen

muzik tradisional yang dikumpul dan dibekalkan oleh pihak persatuan, antaranya seperti Gamelan, Gendang, Angklung dan sebagainya.

Pengkajian ini adalah bertujuan untuk mengupas lebih lanjut lagi mengenai strategi yang digunakan oleh pihak persatuan dalam menguruskan sumber manusia mengikut tugas masing-masing dalam organisasi yang ditubuhkan. Kajian ini juga merungkaikan mengenai strategi promosi yang digunakan dalam usaha mempromosikan muzik tradisional. Selain itu, pengkajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti strategi pengurusan kewangan yang digunakan dalam memperkembangkan lagi muzik tradisional.

### **Latar Belakang Kajian**

PPSKM merupakan singkatan kepada Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia. Persatuan ini terletak di No. 10, Lot 9638, Fasa 23, Lee Ling Commercial Centre, Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak di bawah naungan Encik Nazuki Bin Tambi. Organisasi ini memegang satu visi dan misi yang penting dalam membantu memelihara keseniaan dan kebudayaan Malaysia.

Sejarah pertubuhan PPSKM adalah bermula pada tahun 2009. Namun pada mulanya, pertubuhan ini tidak diiktirafkan sebagai salah satu pertubuhan. Pada Januari tahun 2010, persatuan ini telah berjaya menampakkan diri dan memperoleh

pengiktirafan sebagai sebuah persatuan. PPSKM secara sahnya diiktirafkan sebagai sebuah persatuan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada tahun tersebut.

Persatuan berpandangan jauh dengan mengejar satu visi iaitu melahirkan penggiat seni dan budayawan yang berketrampilan serta mempunyai hala tuju yang jelas ke arah memartabatkan industri seni, budaya dan warisan Negara. Misi persatuan ini adalah mencari dan menyatupadukan para penggiat seni dan budayawan tanah air supaya berganding bahu membina momentum yang teguh dalam mencakna warisan seni dan budaya Negara ke arah matlamat yang jelas dan bersepada.

Antara peranan yang jelas dimainkan oleh pihak persatuan ini adalah membantu seniman dan persatuan yang mempunyai kaitan dalam bidang seni di seluruh Malaysia. Selain itu, persatuan ini juga menghimpunkan seniman, budayawan dan pertubuhan seni di Sarawak. Dalam usaha mencapai matlamat jangka panjang, PPSKM berperanan memberi dan membimbang generasi muda yang berminat dalam bidang seni. Bagi mencapai matlamat tersebut, persatuan menggunakan pelbagai strategi dari semasa ke semasa.

Usaha-usaha yang jelas dilakukan oleh pihak persatuan dalam memainkan peranan tersebut adalah seperti membekalkan instrumen muzik tradisional, mengadakan kelas kesenian tradisional, menyediakan bahan persembahan kesenian

dan kebudayaan, pengurusan acara, penganjuran pameran, mengumpul dan menghasilkan lagu-lagu rakyat dan menyediakan tempat latihan industri.

Seiringan dengan visi, misi, peranan dan usaha, secara keseluruhannya pihak persatuan ingin mencetuskan pemahaman terhadap seni. Pemahaman bukan sahaja dari segi jasminiah, malah dari segi intuisional yang dapat membantu generasi pelapis pada masa kini. Pihak persatuan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan dengan bidang kesenianan dan kebudayaan di Malaysia. Sokongan padu yang diberikan dapat membantu memperjuangkan bidang seni negara dan meluas kepada penggiat-penggiat seni di luar negara.

### **Hipotesis**

Hipotesis yang boleh digunakan dalam membuat kajian ini ialah pihak persatuan mempunyai perancangan dan usaha dalam memperkembangkan muzik tradisional. Selain itu, pembentukan pengurusan persatuan yang dirancang oleh pihak persatuan adalah berhasil mengikut proses pengurusan tertentu.

Perancangan sumber manusia yang digunakan oleh persatuan adalah berhasil. Strategi promosi yang digunakan untuk memperkenalkan instrumen muzik tradisional dapat menarik perhatian masyarakat tempatan. Hipotesis yang dijangka

juga adalah pengurusan kewangan dan dana yang digunakan adalah berkesan dalam meningkatkan dan mengumpul instrumen muzik tradisional.

### **Permasalahan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi merungkaikan mengenai sistem pengurusan instrumen muzik tradisional oleh persatuan PPSKM. Isu yang dibincangkan adalah perancangan persatuan dalam usaha memperkenalkan muzik tradisional. Keberhasilan perancangan persatuan bermula dari perancangan strategi tertentu sehinggalah kepada pembentukan proses pengurusan persatuan.

Selain itu, antara permasalahan kajian yang ingin dirungkaikan adalah isu pengurusan sumber manusia oleh persatuan. Pengkaji akan memerhatikan proses perlaksanaan dalam menguruskan sumber manusia, mendapatkan kakitangan, penjawatan organisasi sehinggalah pengekalan kualiti sumber manusia oleh persatuan.

Permasalahan kajian yang ingin dikaji juga adalah strategi promosi yang digunakan oleh persatuan. Kajian lebih menjurus kepada kaedah promosi, campuran elemen promosi dan sasaran pengguna. Hal ini kerana, pengkaji memerhatikan bahawa kurangnya perhatian daripada masyarakat tempatan terhadap aktiviti yang diadakan oleh persatuan.

Pengurusan kewangan dan dana juga merupakan salah satu permasalahan kajian yang ingin dirungkaikan oleh pengkaji. Pengurusan kewangan ini melibatkan cara menguruskan kewangan bagi mengumpul dan memperkembangkan lagi bekalan instrumen muzik tradisional. Selain itu, dilihat juga kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak persatuan untuk menggumpulkan dana bagi sentiasa memastikan persatuan beroperasi.

Selain daripada itu, permasalahan kajian adalah mengenai penggunaan pemasaran 4P dalam memperkenalkan perkhidmatan dan produk oleh persatuan. 4P tersebut adalah melingkupi promosi (*promotion*), tempat (*place*), produk (*product*) dan harga (*price*).

### **Objektif Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa objektif yang boleh digunakan dan relevan dengan kajian yang dibuat. Objektif pengkaji menjalankan kajian ini ialah ingin mengenalpasti perancangan persatuan dalam usaha memperkenalkan muzik tradisional. Perancangan ini dilihat dari perancangan strategi yang boleh digunakan bagi memperkembangkan lagi muzik tradisional dan seterusnya pembentukan pengurusan persatuan dari awal penubuhan.

Selain itu, objekif utama pengkaji membuat kajian ini adalah untuk mengkaji sistem pengurusan dalam organisasi. Sistem pengurusan yang akan dikaji adalah dari segi pengurusan sumber manusia, strategi promosi, dan pengurusan kewangan dan dana persatuan.

Pengkaji juga menetapkan objektif dalam kajian adalah meneliti kaedah-kaedah pemasaran perkhidmatan dan produk persatuan dengan menggunakan konsep campuran pemasaran 4P. 4P tersebut adalah promosi (*promotion*), tempat (*place*), produk (*product*), dan harga (*price*). Objektif ini boleh membantu pengkaji untuk fokus dalam kajian yang ingin dilakukan.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini memerlukan beberapa soalan yang boleh membantu dalam menyelesaikan masalah kajian dan juga dalam membantu mencapai objektif kajian.

- 1) Apakah strategi yang digunakan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan persatuan dalam memartabatkan instrumen muzik tradisional?
- 2) Siapakah sasaran pihak persatuan dalam memperkenalkan khidmat dan produk?
- 3) Dimanakah terletaknya lokasi PPSKM beroperasi?

### **Lokasi kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia (PPSKM) sebagai lokasi kajian kerana pengkaji ingin mengetahui perancangan usaha dan sistem pengurusan dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan instrumen muzik tradisional. Lokasi kajian adalah beralamat Persatuan Penggiat Seni dan Kebudayaan Malaysia, Kuching, No. 10, Lot 9638, fasa 23, Lee Ling Commercial Centre, Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak.

PPSKM merupakan sebuah organisasi swasta yang menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti yang berkaitan keseniaan dan kebudayaan. Lokasi kajian ini dapat membantu menyelesaikan isu kajian yang hendak dikaji kerana institusi ini menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Aktiviti yang hendak dikaji ialah mengenai pengurusan instrumen muzik tradisional tempatan yang dibekalkan oleh persatuan.

### **Kerangka Kajian**

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah diambil daripada pendapat-pendapat pengkaji terdahulu. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan kerana kajian ini adalah mengenai pengurusan instrumen muzik tradisional oleh PPSKM. Oleh yang demikian, konsep yang dipilih adalah sangat

sesuai digunakan sebagai penduan untuk membantu dalam penyelesaian pemasalahan kajian dan seterusnya untuk membantu mencapai objektif-objektif kajian ini. Dalam pengurusan, beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian akan dibincangkan adalah seperti perancangan dan usaha, pengurusan sumber manusia, strategi promosi dan pengurusan kewangan serta dana.

## **Fungsi Pengurusan**

Menurut Williams (2011), pengurusan mempunyai empat fungsi, pertama ialah perancangan yang meliputi matlamat dan tujuan. Fungsi kedua ialah mengorganisasi mengenai keputusan pembahagian kerja dan tugas. Fungsi seterusnya ialah memimpin dengan memberi inspirasi dan motivasi untuk mencapai matlamat organisasi. Fungsi yang terakhir ialah sebagai pengawalan iaitu dengan membuat pemerhatian terhadap perkembangan dan mencari penyelesaian terhadap masalah yang timbul dalam organisasi.

Hannagan (2008) juga menyatakan terdapat empat fungsi dalam pengurusan. Fungsi pertama ialah perangcangan iaitu memilih objektif dan langkah mencapai objektif. Fungsi seterusnya ialah pengawalan dengan memerhati sumber manusia, kewangan, bahan dan teknologi disamping mencari penyelesaian. Mengorganisasi juga merupakan fungsi dalam pengurusan iaitu dengan menetapkan tugas dan tahap prestasi untuk mencapai objektif. Fungsi yang terakhir ialah memimpin dengan menyediakan arah dan motivasi kepada pekerja.

## **Proses Pengurusan**

Menurut Byrnes (2003) terdapat empat proses yang diperlukan dalam pengurusan. Proses pertama ialah merancang dengan menentukan keinginan sebenar, meletakkan matlamat yang rasional, dan menetapkan objektif. Dalam proses ini, perancangan terbahagi kepada dua iaitu perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang. Perancangan jangka pendek selalunya tidak memberikan terlalu banyak cabaran kepada manusia. Sebaliknya, perancangan lima tahun hadapan adalah tugas yang lebih mencabar.

Menurut beliau lagi, proses yang kedua adalah mengorganisasi iaitu memindahkan rancangan kepada tindakan. Proses ini dilakukan dengan mengumpulkan kakitangan dan sumber, menentukan secara terperinci, mencipta jadual dan bajet, menghadkan keperluan sumber manusia, dan menetapkan tugas-tugas mereka.

Proses yang ketiga adalah memimpin keseluruhan organisasi supaya berkongsi dalam usaha untuk mencapai suatu matlamat. Suatu matlamat yang dikongsi boleh dicapai dengan mempunyai kerjasama antara satu sama lain. Keberkesanan dan kemahiran memimpin dapat memberi sumbangan dalam pelbagai situasi.

Proses yang terakhir ialah mengawal dengan memantau tugas dan menyemak hasil kerja yang bertentangan dengan objektif. Selain daripada itu, sekiranya terdapat sebarang permasalahan dalam pengurusan penyelesaian sewajarnya perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut..

### **Jenis Pengurus**

Williams (2011) menyatakan bahawa pengurus terbahagi kepada empat jenis. Pertama ialah pengurus atasan yang memegang posisi sebagai *chief executive officer (CEO), chief operating officer (COO). Chief financial officer (CFO), and chief information officer (CIO)*. Tanggungjawab pengurus atasan adalah pertama, mencipta dan mengubah suasana termasuk membentuk visi dan misi, kedua, meningkatkan komitmen perkerja dan mewujudkan budaya organisasi yang positif melalui bahasa dan perlakuan.

Menurut beliau lagi, jenis pengurus kedua ialah pengurus pertengahan yang memegang posisi seperti pengurus kilang, pengurus serantau, atau pengurus bahagian. Pengurus pertengahan bertanggungjawab dalam menetapkan objektif dan perkembangan strategi dalam subunit, menyelaras dan menghubungkait kumpulan, jabatan dan bahagian, memantau dan mengurus prestasi serta melaksanakan perubahan dan strategi.

Seterusnya beliau juga menyatakan terdapat pengurus barisan pertama yang memegang posisi seperti pengurus pejabat, penyelia shift, atau pengurus jabatan. Pengurus barisan pertama bertanggungjawab mengurus prestasi keseluruhan pekerja dan memantau, mengajar dan membuat perancangan jangka pendek. Menurut beliau juga, ketua kumpulan tergolong dalam jenis pengurus untuk mengurus kumpulan persendirian. Tanggungjawab ketua kumpulan ialah mengurus pekerja bukan pengurus dan mempunyai kuasa mengambil dan memecat pekerja, membuat tugas, dan mengawal sumber serta memudahkan aktiviti.

Menurut Byrnes (2003) pula, terdapat beberapa jenis pengurus yang dijumpai melalui kombinasi organisasi seni yang berbeza. Antaranya pengurus barisan pertama yang bertanggungjawab memastikan produk atau perkhidmatan selesai, pengurus kakitangan yang bertanggungjawab mengawasi semua jabatan pengeluaran dalam organisasi seni, dan pengurus berfungsi yang bertanggungjawab terhadap setiap sudut dalam organisasi. Selain daripada itu, terdapat juga pengurus lain seperti pengurus besar dan pengurus pentadbiran. Pengurus pentadbiran bertanggungjawab dalam usaha kerja seorang atau lebih dari seorang dan pengurus pentadbiran sering digunakan dalam organisasi yang tidak mencari keuntungan atau akademik.

### **Pengurusan Sumber Manusia**

Williams (2011) menyatakan, pengurusan sumber manusia juga didefinisikan sebagai proses mencari, membangunkan, dan mendapatkan orang yang layak. Proses

ini adalah untuk membentuk tenaga kerja berkelayakan.

Menurut Maimunah (2011), pengurusan sumber manusia terdapat dalam organisasi perniagaan atau berorientasikan perkhidmatan, baik besar maupun kecil. Konsep organisasi adalah sentiasa memerlukan manusia. Pengurusan sumber manusia adalah membangunkan dan melaksanakan sistem serta menarik, membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja yang berprestasi tinggi. Tujuan pengurusan sumber manusia adalah untuk memastikan pekerja dalam organisasi sentiasa cekap dan berkesan, serta menyumbang kepada rai pencapaian matlamat organisasi.

Selain itu, DeCenzo dan Robbins (2010) mendefinisikan pengurusan sumber manusia adalah cabang pengurusan yang menfokuskan tentang langkah menarik, melatih, memotivasi pekerja. Beliau juga menyatakan bahawa, kekuatan pekerja merupakan sumber yang menjadi kelebihan untuk bersaing dalam persekutuan global yang berubah-rubah.

Menurut Byrnes (2003) pula, pengurusan sumber manusia adalah untuk menarik perhatian, melantik dan mengekalkan pekerja yang produktif serta untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Walaupun tahap ganjaran mempengaruhi jumlah individu yang mahu bekerja dalam organisasi, tetapi penting dalam memilih orang yang berkelayakan.